

**Dasar Pandang Ke Timur Berjaya Transformasi Negara Dalam Segenap Bidang -
Shafie Apdal
Bernama
22 September, 2012
Daripada Mohd Hisham Abdul Rafar**

TOKYO, 22 Sept (Bernama) -- Malaysia akan terus mencontohi Jepun dalam segenap aspek kerana Dasar Pandang ke Timur yang dicetuskan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad nyata memberi impak positif sehingga hari ini dalam usaha mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju pada 2020.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata dasar tersebut nyata telah memberi manfaat dan sumbangan yang sangat besar kepada transformasi negara dalam segenap bidang.

"Masyarakat Jepun mempunyai disiplin yang begitu tinggi yang merupakan komponen yang dapat mengupayakan bangsa dan negara mereka. Walaupun kita dapat melihat sedikit gangguan kerana politik keterlaluhan di Jepun, tapi masih lagi Jepun sebagai negara yang boleh kita pelajari daripada pelbagai sudut.

"Jepun mempunyai nilai-nilai disiplin yang begitu tinggi yang juga boleh membantu kita untuk berjaya dalam pelbagai bidang yang ada di negara kita," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, Sabtu.

Beliau berkata demikian selepas majlis perjumpaan dan ramah mesra bersama kira-kira 300 pelajar Malaysia termasuk pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA), di sini yang turut dihadiri Ketua Pengarah MARA Datuk Ibrahim Ahmad.

Mohd Shafie berkata dasar tersebut juga jelas dapat membantu negara mengatasi kekurangan pakar khususnya dalam bidang perindustrian sekaligus mampu menarik lebih banyak pelabur asing melabur di Malaysia.

"Kelak bila mana pelajar-pelajar ini kembali ke tanah air, mereka juga akan bertugas di tempat-tempat di mana syarikat-syarikat daripada Jepun melabur di negara kita (dan ini) sekaligus dapat memenuhi keperluan tenaga buruh dalam Malaysia yang diperlukan pelabur-pelabur asing yang lain.

"Ini juga satu manfaat yang kita nampak dan yakin dapat memberikan hasil yang baik untuk negara," katanya.

Mohd Shafie berkata selain mencontohi kemajuan yang dicapai oleh Jepun, rakyat Malaysia juga sepatutnya turut mencontohi kerajinan, ketepatan masa dan berdisiplin jika mahu negara mencapai kemajuan.

Selain itu, katanya rakyat Malaysia juga sepatutnya mencontohi budaya masyarakat Jepun yang cukup bersopan santun.

"Kita dapat lihat bagaimana ketahanan masyarakat Jepun yang mana kalau kita bersalam mereka akan tundukkan kepala. Itu adat mereka yang kekalkan walaupun Jepun adalah negara terbilang dan terdedah dengan adat kebaratan, tapi masih lagi dapat mengekalkan nilai-nilai murni.

"Kita harus melakukan seumpama itu mana yang baik itu kita ambil untuk jadi amalan kita dan mana budaya yang ada, kita kekalkan kerana amalan ini cukup membanggakan kita selaku rakyat Malaysia," katanya.

Pada majlis tersebut, Mohd Shafie disambut dengan penuh meriah dan menerima tepukkan gemuruh di kalangan pelajar.

Beliau dan isteri Datin Seri Shuryani Shuaib kemudiannya turut menyanyikan lagu 1Malaysia bersama kesemua pelajar dalam suasana yang cukup ceria dan santai.

Terdahulu, Mohd Shafie menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Pelajaran Mara (YPM) dengan dua universiti di Jepun iaitu Institut Teknologi Shibaura dan Universiti Takushoku.

MoU tersebut ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif YPM Dr Zubir Harun dengan Pengarah Hubungan Antarabangsa Institut Teknologi Shibaura, Chung Yung Jin serta Pengarah Hubungan Antarabangsa Universiti Takushoku, Takeuchi Shinjo.

Mohd Shafie sedang melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun mulai 20 Sept lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696531>